



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

***TEKS UCAPAN***

**YANG BERHORMAT SENATOR PUAN SARASWATHY A/P KANDASAMI  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**PERASMIAN**

**PROGRAM JOM SANTUNI  
SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS )  
KRT TELOK DATOK , KUALA LANGAT  
BERSAMA  
YB TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

---

**13 MEI 2024 | ISNIN**

**9.00 MALAM**

**KRT TELOK DATOK, KUALA LANGAT**

SELAMAT MALAM,  
SALAM SEJAHTERA,  
SALAM PERPADUAN,  
DAN SALAM MALAYSIA MADANI.

**(SALUTASI)**

**YBhg. Datuk/ Ketua-ketua Jabatan/ Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian.**

1. Pertamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana diberikan peluang kepada kita semua berkumpul pada malam ini dalam Program Santuni Skim Rondaan Sukarela (SRS) KRT Telok Datok, Daerah Kuala Langat, Selangor. Syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pengajur kerana berjaya mengadakan program pada hari ini. Apa khabar semua warga KRT dan SRS Telok Datuk?
  
2. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya ke majlis ini seterusnya memberi peluang untuk berinteraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Di kesempatan ini juga saya mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Jabatan, Pengurus-pengurus Rukun Tetangga Daerah Kuala Langat dan para tetamu yang hadir untuk menjayakan Program pada malam ini.

3. Untuk makluman semua, buat julung-julung kalinya saya dapat bersama dengan warga Kuala Langat amnya dan warga KRT khususnya, yang mana sebelum ini saya hanya mengikuti dari jauh pelbagai aktiviti sukarela yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Perpaduan Negara.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

4. Sejak tiba disini pada petang tadi, saya berasa sangat kagum dengan semangat kerjasama dan semangat sukarela yang ditonjolkan oleh tuan/puan dalam penglibatan menganggotai Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela di kawasan masing-masing khususnya di Daerah Kuala Langat ini.

5. Saya dimaklumkan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, sehingga kini terdapat **5,394 Skim Rondaan Sukarela (SRS) di seluruh Malaysia**, untuk **Negeri Selangor pula sebanyak 656 SRS**, manakala bagi **daerah Kuala Langat terdapat 33 SRS daripada 73 KRT**. Pada saya, bukan semua orang boleh, dan bukan semua orang sanggup, berjaga malam di waktu orang lain sedang lena dibuai mimpi.

6. Hakikatnya terdapat satu pasukan rondaan sukarela yang sanggup bersengkang mata demi menjaga keselamatan dan keamanan di taman perumahan kita. Mereka semua adalah **HERO YANG TIDAK DIDENDANG**. Mari kita berikan tepukan yang gemuruh kepada hero-hero kita.

7. Kebelakangan ini juga, semakin banyak berlakunya kes-kes kecurian dan samun bersenjata yang berlaku. Saya dimaklumkan bahawa KRT dan SRS Daerah Kuala Langat, khususnya KRT Telok Datok banyak membantu pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menangani dan menyelesaikan kes-kes yang berlaku di komuniti setempat. **Tahniah dan terima kasih** saya ucapkan kepada semua ahli peronda SRS di atas usaha yang dilakukan dalam membendung kejadian jenayah di sekitar perumahan masing-masing.

8. Namun demikian, saya berharap rondaan yang dilakukan tidaklah tertumpu pada waktu malam sahaja. Saya harap pihak KRT boleh merangka pasukan peronda untuk memantau keadaan kawasan perumahan di KRT Telok Datok ini pada sebelah siang kerana penjenayah sekarang juga bergiat aktif di waktu siang, sewaktu orang sibuk keluar bekerja.

9. Perlu juga diingat, bahawa pada masa kini, yang semakin berleluasa adalah jenayah Cyber di mana ramai masyarakat kita terkena atau menjadi mangsa dengan hanya 1 klik sahaja melalui telefon bimbit. Jadi saya amat berharap kepada semua yang hadir pada malam ini untuk sentiasa mengingatkan kepada semua jiran tetangga, keluarga, sahabat dan sesiapa sahaja untuk terus berwaspada daripada menjadi mangsa penipuan jenayah cyber.

**Hadirin sekalian,**

10. Jentera KRT merupakan **agensi penggerak kepada pemikiran dan tingkah laku rakyat ke arah penyatuan pelbagai kaum**. Justeru itu, saya menyokong penuh program-program yang sedang dirancang untuk mempertingkatkan semangat perpaduan. Sejajar dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam Malaysia Madani. Malaysia Madani adalah satu falsafah induk yang bersifat perpaduan nasional. Inilah falsafah yang menjadi cita-cita dan aspirasi semua warga Malaysia semenjak dahulu lagi. Terbukti, tanpa perpaduan tidak mungkin wujud kestabilan politik yang menjadi teras kepada segala-galanya.

11. Saya percaya dan yakin bahawa, rakyat lebih mengetahui apa yang berlaku di persekitaran mereka dan menjadi **kewajipan mereka membantu Kerajaan menyelesaikan atau meredakan**

**ketegangan** yang berlaku agar ianya tidak merebak menjadi isu yang lebih besar dan rumit.

12. Kita biasa dengar **pepatah Melayu "Belum diseru sudah menyahut, belum dipanggil sudah datang, belum disuruh sudah pergi"**. Begitulah kesungguhan yang dapat kita tunjukkan dalam memastikan setiap aktiviti yang kita jalankan samada di peringkat KRT mahupun peringkat Jabatan, anjuran Kerajaan atau anjuran Badan Bukan Kerajaan, mestilah kita sama-sama turut serta menyumbang tenaga dan idea secara terus menerus.

13. Saya juga mengharapkan agensi-agensi yang berada dihadapan saya ini, hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dan sokongan kepada barisan KRT Daerah Kuala Langat dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawan ini. Jadikan KRT ini sebagai ahli keluarga kita di peringkat agensi masing-masing. Sebagai contoh, penglibatan pihak PDRM amatlah diharapkan bagi membantu SRS dalam aktiviti rondaan sekaligus dapat membantu menurunkan kadar jenayah di daerah Kuala Langat ini.

14. Saya juga menyeru kepada semua SRS yang ada agar terus menambah bilangan anggota SRS yang ada sekarang walaupun ianya bukan satu perkara yang mudah. Semua orang daripada kita sibuk dengan tugas dan komitmen keluarga masing-masing. Libatkan golongan muda yang ada di dalam kawasan kejiranan kita

kerana mereka mempunyai tenaga dan juga masa yang boleh dimanfaatkan buat semua.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin sekali lagi ingin mengucapkan **Syabas dan Tahniah kepada semua anggota KRT dan SRS di daerah Kuala Langat dan SRS Telok Datok** atas usaha dan semangat Sukarelawan yang mulia ini. Semoga Tuhan akan membalas jasa bakti tuan puan dengan ganjaran yang hebat.

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak tuan-tuan dan puan-puan semua ke Majlis Peluncuran Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Penggerak Masyarakat Progresif yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara. Mudah-mudahan, tahun 2024 ini akan menjadikan KRT lebih progresif dan seterusnya menjanjikan pelbagai lagi kejayaan buat kita semua. **Dengan ini, Saya Merasmikan Program Santuni Skim Rondaan Sukarela, Kawasan Rukun Tetangga Telok Datok Daerah Kuala Langat, Selangor.**

Sekian, terima kasih.